

Desak MDSB selenggara parit

Sistem perparitan tidak diselenggarakan dengan baik punca banjir melanda beberapa kawasan

SABAK BERNAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) didesak melaksanakan kerja penyelenggaraan longkang dan parit di sekitar Sekinchan terutama di kawasan pasar awam.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, beliau mengambil serius perkara itu memandangkan telah menerima peruntukan sebanyak RM500,000 bagi kerja menaik taraf pasar berkenaan.

"Saya minta MDSB memantau kerja longkang dengan sempurna," katanya menerusi akaun Facebook peribadinya.

Mengulas mengenai perkara itu, Budiman memberitahu, kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan pekan Sekinchan termasuk di pasar Sekinchan,



● MDSB telah menerima peruntukan sebanyak RM500,000 bagi kerja menaik taraf Pasar Awam, Sekinchan.

berpunca daripada sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik.

"Kita tak nak setelah pasar awam ini dinaik taraf, tapi sistem perparitan di sekeliling tidak diselenggarakan, jadi sia-sia sahaja kerja naik taraf tersebut," katanya.

Semalam Sinar Harian melaporkan, MDSB dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) digesa memastikan penyelenggaraan dan pembersihan longkang serta parit dilakukan secara berkala



Keadaan Pasar Awam Sekinchan yang digenangi banjir kilat akibat sistem saliran tidak sistematik.

bagi mengelakkan kejadian banjir kilat.

Seorang penduduk, Mohd Razali Mohd Noor, 39,

berkata, kebanyakan longkang dan parit di sekitar Sekinchan dipenuhi semak dan talang yang tinggi hingga

menyekat pengalir air.

"Kami kecewa apabila longkang dan parit di sekitar taman perumahan, kampung

tradisi, premis perniagaan dan pasar awam sering dinaiki air akibat banjir kilat," katanya.